

TARIKH	18 / 02 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	L-13	RUANGAN	LETTERS

UMUM

BERANGGAPAN positiflah wahai 012-749XXXX, tujuan usahawan bergelar Datuk dan doktor menderma tunjuk *mock* cek di surat khabar adalah supaya orang lain termasuk anda supaya suka menderma macam mereka.

013-975XXXX

MEMANG sukar mendidik murid, bertambah sukar bila murid terdedah pengaruh sosial seperti pergaulan bebas, hedonisme dan bangga dengan pendedahan aurat.

ALISSA

SEKOLAH agama swasta elok dekat dengan kawasan pertanian dan ternakan. Selepas kuliah subuh boleh buat kerja tani dan ternakan supaya ada kemahiran hidup menggunakan otak dan tangan.

AL MIAN

ITULAH sudah dikatakan dulu tapi tidak diendahkan. Sepatutnya Harimau Malaya boleh dapat banyak gol bertemu Qatar tempoh hari. Kekalkan warna kuning kerana kuning warna keramat Harimau. Apapun syabas buat Harimau Malaya. Harimau tetap gagah berkualasa.

SEPET

KERAJAAN tak ambil pekerja asing Filipina sebagai pekerja di negara ini, macam mana kini ramai pekerja Filipina berada di sini? Harap pintu masuk di KLIA dikawal ketat demi keselamatan rakyat.

MAN BESAR

SAYA berasa amat gembira Kerajaan

Melaka bercadang membina sebuah pusat Islam di Pulau Besar. Ini adalah satu cadangan yang amat brilliant. Sudah lama Pulau Indah ini dicemar dengan kepercayaan kurafat.

012-500XXXX

TERTARIK dengan komen *Siti Jarum* bahasa bukan sepatutnya sekadar jiwa bangsa tapi 'Jiwa dan Budaya Bangsa' yang perlu dijaga oleh penyampai radio. Contoh perkataan-perkataan ganti nama 'aku', 'kamu' dan 'Haji'.

012-535XXXX

SHARNAAZ sepatutnya sebelum mengurat anak orang kenalah mengurat dan pandai pengambil hati bapanya dulu. Tapi kalau dah 'berperang' alamat melepaskan tuah badan.

PEMINAT P. RAMLEE

KHUSUS menjawab SMS Askar Berpencen. Kami berkhidmat di siri 300 selama 22 tahun seperti anda. Cuma kami kerahan sepenuh masa.

019-964XXXX

MINTA sesiapa yang mengenali bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia, Zahari Omar nombor tentera 809935 harap hubungi segera nombor telefon 019-2022336.

BADANG EX NAVY

TAHNIAH dan terima kasih kepada Tabung Haji memberi bonus 8 peratus kepada pendeposit. Semoga pada tahun-tahun akan datang berlebih-lebih lagilah hendaknya.

PENYIMPAN TABUNG HAJI